

Gelombang Pak Lah beri impak besar kepada lawan

Oleh Ishak Hamzah

ADAKAH kemenangan Barisan Nasional (BN) pada Pilihan Raya Umum Ke-11 Ahad lalu kemenangan 'anak jantan' atau 'anak betina' jika boleh dipinjam kata-kata Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang. Malah, Pas tidak menerima keputusan itu apabila menganggapnya sebagai tidak sah. Parti itu mendakwa ada perancangan besar yang menjatuhkan Pas sehingga tewas di luar dugaan.

Bagaimanapun, BN yang mendapat manfaat besar dengan memenangi lebih 90 peratus kerusi Parlimen juga tidak pernah menyangka memperoleh kemenangan sedemikian. Ini bermakna bukanlah BN yang membuat konspirasi besar bersama Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) bagi mencapai kemenangan sebesar itu.

Segala tuduhan dan andaian kebanyakannya dibuat tanpa melaksanakan kaji selidik yang sebenar, sebaliknya hanya berpandukan emosi. Sewajarnya kita melihat apakah faktor besar dan sampingan sehingga mandat begitu besar diberikan kepada BN.

Sedar atau tidak, sejak pelantikan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Perdana Menteri, suatu impak yang besar telah berlaku. Impak 100 hari pertama Pak Lah mencipta satu gelombang yang tidak disedari bukan saja oleh parti pembangkang, malah di kalangan komponen BN sendiri.

Gelombang Pak Lah ini lebih hebat daripada Gelombang Reformasi 1999 dulu, tetapi berlaku secara senyap. Gelombang Pak Lah inilah yang memberikan kemenangan besar kepada BN. Cuma ramai yang tidak terkesan bahawa gelombang ini bermula daripada hari pertama Pak Lah menjadi Perdana Menteri.

Sejak pelantikannya, banyak tindakan Pak Lah berjaya merubah perspektif orang ramai terhadap beliau. Pak Lah membuktikan sebagai insan yang mulia dengan memohon restu ibu sebaik saja menjadi Perdana Menteri. Pak Lah juga membuktikan bahawa beliau adalah pemimpin sejati apabila turut menjadi imam solat. Walaupun orang Pas mengatakan bahawa pemimpin Pas sudah lebih awal menjadi imam solat, yang ini adalah Perdana Menteri bukan sekadar pemimpin negeri.

Ketulusan dan kejujuran beliau terserlah apabila sejak menjadi Perdana Menteri, Pak Lah tidak pernah menyerang pembangkang, khususnya Pas, malah mengambil sikap lembut dengan tidak menyerang Dokumen Negara Islam yang dikeluarkan parti itu.

Beliau tidak menolak dokumen itu, sebaliknya mengatakan bahawa apa yang terkandung dalam dokumen berkenaan sudah dilaksanakan oleh kerajaan BN. Ketika beberapa pemimpin Pas menyerang peribadinya, beliau mengambil sikap berdiam diri. Perlakuan Pak Lah ini menjadikan beliau dilihat oleh rakyat sebagai seorang pemimpin Muslim sejati.

Segala tindakannya sebagai Perdana Menteri daripada dilantik sehingga pilihan raya diadakan, bukan sekadar menjadikan Malaysia sebuah negara yang lebih cemer-

lang, malah berjaya membina satu imej kuat kepada kerajaan.

Beliau membuktikan bahawa kerajaan serius membanteras rasuah apabila beberapa kes 'high profile' dibawa ke pengadilan. Pendakwaan terhadap seorang menteri Kabinet tidak dilihat rakyat sebagai kes terpilih, tetapi langkah awal untuk memerangi rasuah habis-habisan. Kini telah kedengaran di pejabat kerajaan bahawa dengan tindakan itu, kuasa telah kembali kepada pegawai kerajaan bukannya ahli politik.

Langkah yang dilaksanakan oleh Pak Lah seterusnya membuktikan kejujuran beliau membawa satu dimensi baru dalam pentadbiran kerajaan, termasuk penubuhan Suruhanjaya Khas Polis bagi memperkemas dan mengembalikan kewibawaan pasukan itu yang sering dipersoalkan. Begitu juga keputusannya membawa masuk seorang tokoh ekonomi sebagai Menteri Kewangan yang tidak terbabit langsung dalam politik, memberi perspektif ampuh kepada ekonomi negara.

Penekanan terhadap Pendidikan Islam di sekolah Islam di membuktikan kejujuran beliau bagi melahirkan generasi yang mendapat didikan agama dan khatam al-Quran, manakala pelanukan Tan Sri Muhyiddin Yassin sebagai Menteri Pertanian membuktikan bahawa sektor itu akan melalui satu reformasi yang menguntungkan golongan petani dan nelayan

Apa yang dibuat oleh Pak Lah ini telah memberikan kesan yang cukup kuat kepada pengundi. Pak Lah bukan sekadar berjaya pada 100 hari pertamanya, malah beliau digambarkan begitu berjaya oleh media arus perdana. Sejak hari pertama beliau menjadi Perdana Menteri, telah terkesan seolah-olah satu momentum di mana akhbar arus perdana memaparkan berita dan gambar yang hampir sama.

Imej baik dan jujur Pak Lah ini terus dibina sama ada melalui media cetak mahupun elektronik. Adakah ini kerana orang yang hampir dengan Pak Lah telah dilantik untuk mengetahui beberapa media utama? Mungkin juga kerana mereka ini hampir dan mengenali Pak Lah dengan baik maka berlaku satu keselarasan dalam berita dan gambar yang dipaparkan.

Walau apa sekalipun, kesannya adalah satu perwatakan jujur, ikhlas dan dinamik yang sememangnya imej sebenar Pak Lah. Dengan terbinanya satu imej yang jujur serta strategi pilihan raya yang serba kena, BN menang cemerlang. Malah, kalau tanpa kempen sekalipun, BN akan tetap menang besar dengan imej kuat Pak Lah ini.

Bagaimanapun, ada beberapa faktor tambahan kepada kemenangan besar BN. Faktor Pak Lah sendiri mungkin

menyumbang sehingga 80 peratus daripada kemenangan itu. Menjelang pilihan raya pula, Pak Lah memohon kepada rakyat supaya memberikan beliau mandat besar kepada kerajaan barunya. Untuk mendapatkan mandat besar ini, beliau bukan merayu, malah memberikan formula yang terbaik kepada rakyat.

Secara berani beliau menggugurkan sehingga 40 peratus wakil rakyat lama dan memasukkan tokoh berwibawa dalam barisan baru. Tokoh ini bukan sekadar mereka yang punya rekod cemerlang dalam pelbagai bidang, malah tokoh agama yang diterima masyarakat. Nama seperti Dr Amran Kasimin, Datuk Pirdaus Ismail, Datuk Dr Mashitah Ibrahim dan Prof Datuk Dr Abdullah Mohamed Zin bukan sekadar membuktikan BN tidak menolak agama, malah memberikan kesan mendalam kepada masyarakat secara amnya.

Walaupun tokoh seperti Pirdaus tewas di Permatang Pauh, mesej yang disampaikan kepada rakyat di seluruh negara ialah BN serius dan jujur dalam pelaksanaan aspek Islam di Malaysia.

Justeru, rakyat mendapat gambaran bahawa apa yang selama ini diperjuangkan oleh Pas sebenarnya telah dan akan dilaksanakan oleh BN di bawah pimpinan Pak Lah. Ini memperkukuhkan sebab bagi pengundi atas

pagar, malah pengundi yang condong kepada Pas sekalipun untuk mengundi BN.

Kekuatan imej Pak Lah serta strategi pemilihan calon ini, menyebabkan rakyat mengundi Pak Lah tanpa mengira siapa calon yang bertanding di kawasan mereka. Ini terbukti di mana di kawasan yang Pas mengemukakan calon bukan sekadar hebat, malah dekat dan diterima rakyat pun tetap ditolak. Manifesto BN hanya sekadar melengkapkan ketelusan kerajaan pimpinan Pak Lah untuk berkhidmat kepada rakyat.

Sesungguhnya ada lagi satu faktor yang mengejutkan pembangkang dan pemerhati politik. Di negara kita dikatakan wujud majoriti senyap yang lazimnya tidak mengundi kerana beranggapan bahawa BN tetap menang tanpa undi mereka.

Kempen yang dilakukan oleh SPR dan istimewa rayuan daripada Pak Lah sendiri supaya mereka keluar mengundi, benar-benar memberikan kesan. Sehingga hari terakhir berkempen, Pak Lah telah menulis surat peribadi kepada setiap pengundi supaya keluar mengundi.

Sebagai Perdana Menteri, beliau tidak meminta mereka mengundi BN, tetapi keluar mengundi untuk melaksanakan hak mereka. Beliau akan menerima siapa saja pilihan mereka. Rayuan Pak Lah memberikan kesan mendalam se-

hingga majoriti senyap ini pulang ke kampung masing-masing untuk mengundi. Mereka inilah menyebabkan peratus pengundian mencapai hampir 75 peratus.

Pengundi ini yang tidak dikenali oleh parti politik, khususnya Pas, bukanlah pengundi hantu, tetapi majoriti senyap yang keluar mengundi. Mereka ini rata-rata memberikan undi untuk Pak Lah tanpa mengira siapa yang bertanding dan rekod baik wakil rakyat pembangkang.

Tidak ketinggalan juga satu arus perubahan baru yang dibawa oleh Umno melalui penubuhan Puteri Umno. Puteri telah memberikan warna kepada politik Malaysia dengan satu pengiktirafan bahawa kepemimpinan negara menerima peranan golongan muda.

Mereka bukan sekadar diberikan wadah, malah empat pimpinannya telah diberikan tempat pada pilihan raya dan menang. Puteri diterima dalam arus perdana Umno dan ini menukar perspektif golongan muda terhadap kerajaan.

Penerimaan dan pembabitan mereka bukan sekadar dalam Perhimpunan Agung, malah setiap aktiviti kempen BN terutama sebagai perayu undi. Golongan ini bukan sekadar menarik generasi muda untuk turut serta dalam politik, malah telah memberikan undi mereka kepada BN.

Gelombang yang melanda negara ini sesungguhnya tidak terkesan oleh pakatan pembangkang. Lantaran itu, kempen mereka masih lagi penuh retorik dengan menengahkan isu rasuah, ketidakadilan terhadap Datuk Seri Anwar Ibrahim, isu hudud dan qisas, peribadi lawan dan sebagainya yang tidak dapat menyanggah gelombang yang dibawa Pak Lah.

Justeru, peribadi Pak Lah langsung tidak terjejas dengan kempen oleh parti pembangkang. Mungkin Pengerusi DAP, Lim Kit Siang, sedikit cerdas apabila berasakan gelombang ini.

Beliau tidak mengatakan mahu menubuhkan kerajaan, tetapi menyokong penuh misi Pak Lah cuma perlu ada pementauan yang baik di Parlimen. Oleh itu, pengundi Cina menghantar beliau ke Parlimen sebagai pemantau.

Sejauh manakah SPR berkonspirasi dalam pilihan raya ini? Kalau boleh dikatakan SPR ada peranan mungkin dalam persemipadan pilihan raya. Persempadanan ini telah memberikan sedikit kelebihan kepada BN. Tetapi, ini tidak bermakna bahawa mereka yang tidak dapat mengundi adalah penyokong pembangkang.

Hakikatnya, memang kelemahan SPR yang menyebabkan ramai pengundi yang sentiasa mengundi mendapati nama mereka hilang daripada senarai. Bagaimanapun, tidak dapat dibuktikan siapa yang pernah dan akan mereka undi.

Mungkin mereka adalah pengundi pembangkang. Mungkin juga mereka akan menambahkan lagi majoriti undi BN.

Sesungguhnya, BN telah menang besar kerana gelombang yang dibawa oleh Pak Lah. Beliau memperoleh kecemerlangan ini bukan mudah, tetapi adalah lebih sukar untuk mengekalkan kecemerlangan ini bagi tempoh lima tahun akan datang. Inilah cabaran yang lebih besar untuk Pak Lah.